

MENJEJAKI KECEMERLANGAN RASULULLAH S.A.W. DALAM PENDIDIKAN KELUARGA ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2005). Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam in *Sambutan Maulid al-Rasul* at Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor on 6 May 2005, pp 1-10.

Abstrak

Cara hidup Islam merupakan cara hidup yang cemerlang kerana datang daripada Pencipta yang Agung yang dimodelkan pula oleh insan yang paling Agung, iaitu Rasulullah s.a.w. yang datang daripada keturunan yang paling mulia serta mempunyai seorang isteri yang paling cemerlang. Cara hidup Baginda telah diiktiraf melalui ayat al-Quran dan hadis sebagai satu cara hidup yang membawa kesejahteraan kepada manusia bukan sahaja di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di alam akhirat. Mengapa cara hidup Islam merupakan cara hidup yang cemerlang untuk manusia ikuti adalah berpaksikan kepada empat faktor utama, iaitu model kualiti diri, keturunan, isteri dan zuriat Rasulullah s.a.w. yang cemerlang, Muhammad habibullah, agamanya yang fitrah, syamilah lagi sinonim dengan al-falah, serta kerana umatnya yang terbilang. Artikel ini cuba mengupas keempatempat ciri sebagai dasar Islam adalah satu cara hidup.

MENJEJAKI KECEMERLANGAN RASULULLAH S.A.W. DALAM PENDIDIKAN KELUARGA ISLAM*

Kamarul Azmi Jasmi

Pensyarah

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia


PENGENALAN

Cara hidup Islam merupakan cara hidup yang cemerlang kerana datang daripada Pencipta yang Agung yang dimodelkan pula oleh insan yang paling Agung, iaitu Rasulullah s.a.w. yang datang daripada keturunan yang paling mulia serta mempunyai seorang isteri yang paling cemerlang. Cara hidup Baginda telah diiktiraf melalui ayat al-Quran dan hadis sebagai satu cara hidup yang membawa kesejahteraan kepada manusia bukan sahaja di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di alam akhirat.

Mengapa cara hidup Islam merupakan cara hidup yang cemerlang untuk manusia ikuti adalah berpaksikan kepada empat faktor utama, iaitu model kualiti diri, keturunan, isteri dan zuriat Rasulullah s.a.w. yang cemerlang, Muhammad habibullah, agamanya yang fitrah, syamilah lagi sinonim dengan al-falah, serta kerana umatnya yang terbilang. Artikel ini cuba mengupas keempat-empat ciri sebagai dasar Islam adalah satu cara hidup.

KUALITI DIRI, KETURUNAN, ISTERI, DAN ZURIAT RASULULLAH SAW. YANG CEMERLANG

Keturunan Baginda s.a.w. merupakan keturunan yang mulia. Salsilah baginda boleh dilihat dalam Gambar 1.



Gambar 1 Salsilah Rasulullah s.a.w.

* Kertas kerja ini dibentangkan sempena Sambutan Maulid al-Rasul pada 6 Mei 2005 bertempat di Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor.

Kehebatan Rasul dibuktikan sendiri dengan kehebatan ketika lahir lagi dengan jatuhnya 14 tiang yang besar di istana Kisra, padam api yang disembah oleh orang-orang Majusi yang tidak pernah terpadam selama 1000 tahun, dan pecah dan hancur berhalah di sekitar lembah Bahira (Ibnu Kathir, 2002: 164/2).

Selain itu keistimewaan Nabi Muhammad pada Pandangan S.Khadijah (Ibnu Kathir, 2002: 193/2) sehingga mendorongnya untuk mengahwini Baginda adalah seperti berikut iaitu sifat umum sebagai al-amin, iaitu amanah dan akhlak mulia. Selain itu, Nabi diteduhi awan ketika panas terik, cara Nabi berniaga telah membawa keuntungan yang sangat besar sekalipun pertama kali berniaga, kejujuran beginda ketika berniaga, mempunyai akhlak dan keperibadian tinggi, berbudi luhur, dan seorang rahib bersaksi tentang kenabian nabi. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh Maisarah, iaitu orang suruhan beliau.

Manakala ciri isteri Nabi sendiri adalah mencapai kualiti yang diperlukan untuk melahirkan zuriat yang cemerlang. Khadijah merupakan bangsawan yang kaya, ahli koperat besar Mekah, mulia budi pekerti, luas pandangan, salsilah mulia yang setara dengan Nabi Muhammad, tidak suka kemewahan walau dirinya adalah kaya raya, sederhana makan minum dan pakaian, serta Suka menolong fakir miskin dan janda-janda.

MUHAMMAD HABIBULLAH (KEKASIH ALLAH S.W.T.)

Muhammad s.a.w. sebagai kekasih Allah merujuk bahawa segala yang datang daripada Nabi Muhammad juga menjadi penyebab kepada kasih sayang Allah S.W.T. Peristiwa kisah Halimatussa'diah yang mendapat keberkatan dalam hidup kerana menjaga Nabi Muhammad mencerminkan kenyataan ini. Justeru, orang yang mengambil cara hidup baginda sebagai cara hidupnya akan dikasihi, diberkati, dan disayangi Allah sebagaimana yang dijelaskan oleh banyak petikan hadis dan ayat al-Quran.

Sebagai contoh dalam tulisan ini, fokus hidup yang cemerlang yang diakui oleh hadis dan ayat al-Quran boleh dilihat pada keberkatan cara hidup makan, cara hidup tidur, dan cara hidup di rumah. Contoh Keberkatan cara tidup Ketika makan (Abu Dawud, 1994: 3272; Ibn Majah, t.t.: 3277):

عَنْ وَحْشِيِّ بْنِ حَرْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ أَصْحَابَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ
إِنَّا نَأْكُلُ وَلَا نَشْبَعُ قَالَ فَلَعَلَّكُمْ تَفْتَرِقُونَ قَالُوا نَعَمْ قَالَ فَاجْتَمِعُوا عَلَى طَعَامِكُمْ وَادْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ
يُبَارِكْ لَكُمْ فِيهِ.

Maksud: *Wahsyi bin Harb dari Ayahnya dari datuknya bahwa para sahabat Nabi s.a.w. bersabda: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami makan dan tidak merasa kenyang?" Beliau bersabda: "Kemungkinan kalian makan sendiri-sendiri." Mereka menjawab, "Ya." Beliau bersabda: "Hendaklah kalian makan secara bersama-sama, dan sebutlah nama Allah, maka kalian akan diberi berkah padanya."*

(Abu Dawud dan Ibn Majah)

Ketika tidur pula contoh keberkatan cara hidup Nabi jika diamlkan ketika Tidur (Abu Dawud, 1994: 4385);

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَبِيتُ عَلَى ذِكْرِ طَاهِرٍ فَيَتَعَارُ مِنَ اللَّيْلِ فَيَسْأَلُ اللَّهَ خَيْرًا مِنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ.

Maksud: *Mu'adz bin Jabal dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Tidaklah seorang mukmin tidur dalam keadaan telah berdzikir dan suci, lalu bangun di sebagian malam dan meminta kepada Allah kebaikan di dunia dan di akhirat kecuali Allah akan memberinya."*

(Abu Dawud)

Contoh Keberkatan cara hidup ketika di tempat kediaman (Muslim, 2001: 3762; Abu Dawud, 1994: 3273; Ibn Majah, 3877; Ahmad, 1994: 14202):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِذَا دَخَلَ الرَّجُلُ بَيْتَهُ فَذَكَرَ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ وَعِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ لَا مَبِيتَ لَكُمْ وَلَا عِشَاءَ وَإِذَا دَخَلَ فَلَمْ يَذْكُرِ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ أَدْرَكْتُمُ الْمَبِيتَ وَإِذَا لَمْ يَذْكُرِ اللَّهَ عِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ أَدْرَكْتُمُ الْمَبِيتَ وَالْعِشَاءَ.

Maksud: *Jabir bin 'Abdullah; Sesungguhnya dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika seseorang menyebut nama Allah ketika hendak masuk rumahnya dan ketika hendak makan, maka setan berkata; 'Kalian (bangsa setan) tidak bisa menginap dan tidak bisa makan!' Jika seseorang tidak menyebut nama Allah ketika hendak masuk rumahnya, maka setan berkata; 'Kalian bisa masuk dan bisa menginap.' Jika seseorang tidak menyebut nama Allah sewaktu hendak makan, maka setan berkata; 'Kalian bisa menginap dan makan malam!'"*

(Muslim)

Dalam memperkukuhkan hadis di atas, Nabi mengajarkan doa ketika masuk ke rumah agar ahli rumah terjauh daripada syaitan dan mendapat keberkatan (Abu Dawud, 1994: 4432):

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا وَلَجَ الرَّجُلُ بَيْتَهُ فَلْيَقُلْ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ الْمَوْلَجِ وَخَيْرَ الْمَخْرَجِ بِسْمِ اللَّهِ وَلَجْنَا وَبِسْمِ اللَّهِ خَرَجْنَا وَعَلَى اللَّهِ رَبِّنَا تَوَكَّلْنَا ثُمَّ لِيَسْأَلِ عَلَى أَهْلِهِ

Maksud: *Abu Malik Al Asy'ari ia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika seorang laki-laki masuk ke dalam rumahnya hendaklah ia membaca:*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ الْمَوْلَجِ وَخَيْرَ الْمَخْرَجِ بِسْمِ اللَّهِ وَلَجْنَا وَبِسْمِ اللَّهِ خَرَجْنَا وَعَلَى اللَّهِ رَبِّنَا تَوَكَّلْنَا

(Ya Allah, sesungguhnya aku minta kepada-Mu kebaikan tempat masuk dan tempat keluar. Dengan menyebut nama Allah, kami masuk (rumah) dan dengan menyebut nama Allah kami keluar). 'Setelah itu hendaklah mengucapkan salam kepada keluarganya."

(Abu Dawud)

Contoh Keberkatan cara hidup ketika di tempat kediaman ketika keluar rumah pula dapat dilihat daripada sabdaan Nabi s.a.w. ini (Abu Dawud, 1994: 4431; Ibn Majah, t.t.: 3876):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا خَرَجَ الرَّجُلُ مِنْ بَيْتِهِ فَقَالَ بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ قَالَ يُقَالُ حِينَئِذٍ هُدَيْتَ وَكُفَيْتَ وَوَقَّيْتَ فَتَنَّاكَ لَهُ الشَّيَاطِينُ فَيَقُولُ لَهُ شَيْطَانٌ آخَرُ كَيْفَ لَكَ بِرَجُلٍ قَدْ هُدِيَ وَكُفِيَ وَوَقِيَ

Maksud: *Anas bin Malik bahwa Nabi s.a.w. bersabda: "Jika seorang laki-laki keluar dari rumahnya lalu mengucapkan:*

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

(Dengan nama Allah aku bertawakal kepada Allah, tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan izin Allah). '

Beliau bersabda: "Maka pada saat itu akan dikatakan kepadanya, 'Kamu telah mendapat petunjuk, telah diberi kecukupan dan mendapat penjagaan', hingga setan-setan menjauh darinya. Lalu setan yang lainnya berkata, "Bagaimana (engkau akan mengoda) seorang laki-laki yang telah mendapat petunjuk, kecukupan dan penjagaan".

(Abu Dawud dan Ibn Majah)

Perbicaraan daripada hadis-hadis ini menggambarkan bahawa kehidupan orang yang mengamalkan kehidupan Rasulullah s.a.w. menjadikan hidup bertambah berkat, terjauh daripada gangguan syaitan yang sentiasa menyesatkan manusia, mendapat petunjuk, kecukupan dan keberkatan.

AGAMANYA YANG FITRAH, SYAMILAH SINONIM AL-FALAH

Agama Islam itu sendiri dijadikan untuk nabi Muhammad sebagai satu agama yang agung dan penganutnya selalu dikaitkan dengan orang yang berjaya, jika mereka mengamalkan agama ini dengan bersungguh-sungguh. Rasulullah s.a.w. ada menyatakan (al-Bukhari, 1994: 38; al-Nasa'i, t.t.: 4948):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الدِّينَ يَسْرُ وَلَنْ يَشَادَ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ فَسَدُّوا وَقَارِبُوا وَأَبْشَرُوا وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرُّوحَةِ وَشَيْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ

Maksud: *Abu Hurairah bahwa Nabi s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya agama itu mudah, dan tidaklah seseorang mempersulit agama kecuali dia akan dikalahkan (semakin berat dan sulit). Maka berlakulah lurus kalian, mendekatlah (kepada yang benar) dan berilah kabar gembira dan minta tolonglah dengan Al Ghadhwah (berangkat di awal pagi) dan ar-ruhah (berangkat setelah zhubur) dan sesuatu dari ad-duljah ((berangkat di waktu malam)."*

(Al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, jelas Nabi s.a.w. menyifatkan agama ini adalah sangat mudah difahami dan diamalkan. Apa yang penting umatnya hanya perlu memilih jalan kebenaran dan Allah S.W.T.

sentiasa membantu umat ini yang benar-benar bermohon kepadanya tidak kira sama ada pada waktu pagi, tengahari ataupun malam untuk menjadikan agama ini cemerlang dan gemilang. Hal ini sebagaimana disokong oleh sepotong ayat yang menjelaskan:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾ ﴾

Maksud: *Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan Katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam Segala perkara), supaya ia memberi taufiq Dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka Sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.*

(Surah al-Ahzab, 33:70-71)

Berdasarkan aya ini bahawa memilih kalimah Allah, iaitu lailahailah dan segala yang terkandung dalamnya sebagai landasan kehidupan mampu membentuk penganutnya dengan keperibadian unggul, diampunkan dosa, dan mendapat kejayaan yang besar bukan sahaja dalam kehidupan di dunia bahkan dalam kehidupan di alam akhirat. Allah S.W.T. menegaskan:

﴿ يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ذَلِكَ يَوْمُ التَّنَابُؤِ ﴿٩﴾ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَعَمِلْ صَالِحًا يُكْفِرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١٠﴾ ﴾


Maksud: *“(ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan kamu pada hari perhimpunan (untuk menerima balasan), - itulah hari masing-masing nampak kerugiannya. dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal soleh, nescaya Allah mengampunkan dosaduanya dan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; yang demikian itulah kemenangan yang besar.”*

(Surah al-Taghabun, 64:9)

Ayat ini menyokong ayat dalam surah al-Ahzab sebelum ini yang menjelaskan bahawa hanya orang yang beriman kepada Allah melalui agama Islam dan beramal soleh mengikut ajaran agama ini yang boleh mendapat keampunan dan dimasukkan ke dalam syurga yang dianggap sebagai kejayaan yang sebenar.

SISTEM KEHIDUPAN MENYELURUH ISLAM UNTUK KESEJAHTERAAN UMAT

Kesempurnaan agama ini dapat dilihat kerana agama ini merangkumi segenap kehidupan manusia yang ingin mengenal Allah S.W.T. dan beramal untuk-Nya. Kesempurnaan agama ini digambarkan oleh Ghazali Darusalam sebagaimana dalam Rajah 1



Rajah 1 Kesempurnaan Islam dalam segala aspek kehidupan

Berdasarkan Rajah 1 jelas bahawa Islam didasarkan kepada akidah yang mantap yang menjadi tunjang kepada segala kehidupan. Akidah ini menunjangi syariah dan ihsan sehingga mampu membentuk ibadah, muamalah, munakahat yang sempurna seterusnya mencorakkan akhlak keperibadian individu penganutnya agar menjadi khalifah kepada dirinya sendiri, keluarga, dan agama dan negara.

UMAT ISLAM ADALAH UMAT YANG TERBILANG

Selain agama yang syumul, umat Islam itu sendiri telah diiktirafa oleh Allah S.W.T. dan Rasulullah s.a.w. sebagai umatnya terbilang sebagaimana yang ditegaskan dalam sepotong hadis (Ahmad, 1994: 20273):

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَرِّ هَذِهِ الْأُمَّةِ بِالسَّنَاءِ وَالرَّفْعَةِ وَالِدِينِ
وَالنَّصْرِ وَالتَّمَكِينِ فِي الْأَرْضِ

Maksud: *Ubay bin Ka'b* dia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Berilah kabar gembira kepada umat ini dengan para wanita, kemuliaan, agama, pertolongan dan kekuasaan di muka bumi."

(Ahmad)

Hadis ini menegaskan bahawa umat ini diberikan kemuliaan di dunia kerana wanitanya, agamanya dan pertolongan daripada Allah S.W.T. pada setiap waktu. Kemuliaan umat ini ditegaskan dalam sepotong ayat yang menjelaskan:

﴿ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ ﴾

Maksud: "Dan Demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.

(Surah al-Baqarah, 2:143)

Berdasarkan ayat ini bahawa Allah S.W.T. telah memimpin umat ini ke jalan pertunjuk dan menjadi umat pilihan berbanding umat-umat yang lain sehingga layak menjadi saksi Allah dan para Nabi di alam akhirat. Hal ini ditegaskan pula dalam sepotong hadis yang menjelaskan (al-Bukhari, 1994: 3091):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجِيءُ نُوحٌ وَأُمَّتُهُ فَيَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى هَلْ بَلَغْتَ فَيَقُولُ نَعَمْ أَيُّ رَبِّ فَيَقُولُ لِأُمَّتِهِ هَلْ بَلَغْتُمْ فَيَقُولُونَ لَا مَا جَاءَنَا مِنْ نَبِيِّ فَيَقُولُ لِنُوحٍ مَنْ يَشْهَدُ لَكَ فَيَقُولُ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأُمَّتُهُ فَتَشْهَدُ أَنَّهُ قَدْ بَلَغَ وَهُوَ قَوْلُهُ جَلَّ ذِكْرُهُ :

﴿ وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَالْوَسْطُ الْعَدْلُ. ۗ ﴾

Maksud: "Abu Sa'id berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: "(Pada hari qiyamat) Nabi Nuh 'alaihissalam dan ummatnya datang lalu Allah Ta'ala berfirman: "Apakah kamu telah menyampaikan (ajaran)?. Nuh 'Alaihissalam menjawab: "Sudah, wahai Rabbku". Kemudian Allah bertanya kepada ummatnya: "Apakah benar dia telah menyampaikan kepada kalian?". Mereka menjawab; "Tidak. Tidak ada seorang Nabi pun yang datang kepada kami". Lalu Allah berfirman kepada Nuh 'alaihissalam: "Siapa yang menjadi saksi atasmu?". Nabi Nuh Alaihissalam berkata; "Muhammad s.a.w. dan ummatnya". Maka kami pun bersaksi bahwa Nabi Nuh 'alaihissalam telah menyampaikan risalah yang diembannya kepada ummatnya. Begitulah seperti yang difirmankan Allah yang Maha Tinggi (QS al-Baqarah ayat 143 yang


artinya), ("Dan demikianlah kami telah menjadikan kalian sebagai ummat pertengahan untuk menjadi saksi atas manusia.."). *al-washathu* artinya *al-'adl* (adil)."

(Al-Bukhari)

Ayat dan hadis ini saling berkait dalam memuji umat Muhammad yang menjadi umat yang terpilih sehingga dimuliakan mereka bukan sahaja di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di alam akhirat.

KEKUASAAN ISLAM DAN EMPAYARNYA

Janji Allah untuk memberi kegemilangan agama ini di dunia ditunjukkan dengan begitu cepat dalam masa tidak begitu lama sebagaimana yang digambarkan dalam Peta 1.



Peta 1 Penguasaan Islam sejak Nabi Muhammad sehingga kepada khalifah Umayyah

Berdasarkan Peta satu tidak sampai 150 penguasaan Islam meliputi sehingga keseluruhan Asia Barat, Afrika utara dan Eropah (Sepanyol) sehingga menenggelamkan kekuasaan empayar Byzantine yang diagungkan oleh masyarakat kristian.

DIMANAKAN KEKUATAN ISLAM?

Dan kekuatan Islam terletak atas kekuatan dakwahnya dan pertolongan sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah S.W.T., iaitu:

﴿ كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ۗ ﴾

Maksud: "Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara yang baik dan melarang daripada Segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)."

(Surah Ali Imran, 3:110)

Ayat ini menegaskan bahawa kemuliaan umat ini terletak kepada dakwah dan jihadnya melalui menyuruh yang makruf dan mencegah perkara mungkar dan kerana kekuatan iman yang ada pada mereka. Ayat ini ditegaskan lagi dengan ayat yang lain yang menjelaskan:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن نَّصُرُوا اللَّهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾ ﴾

Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu."

(Surah Muhammad, 47:7)

Ayat ini menegaskan bahawa hanya dengan umat Islam membantu agamanya dengan dakwah dan jihad sahaja menjadi kunci kepada bantuan Allah kepada mereka. Kemenangan yang dijanjikan berupa kemenangan yang cepat dan kejayaan yang abadi di alam akhirat. Allah S.W.T. berfirman lagi setelah menjelaskan ganjaran orang yang menolong agamanya dengan keampunan dan syurga (surah al-Saf, 61:11-12) Allah S.W.T. menyambung:

﴿ وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِيرٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾ ﴾

Maksud: "Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, Iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). dan sampaikanlah berita yang mengembirakan itu kepada orang-orang yang beriman."

(Surah al-Saff, 61:13)

Janji ini diberikan kepada umatnya yang bersungguh-sungguh beriman kepada Allah dan bermujahadah di jalan-Nya dengan harta dan diri mereka.

RUMUSAN

Jelas bahawa Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna adalah gabungan yang satu dan bersepadu. Kekuatan Islam bukan sahaja pada Tuhannya, tetapi juga kepada agamanya dan orang yang membawa agama itu, iaitu Nabi s.a.w., ahli keluarga, dan sahabat-sahabatnya sehingga kepada umatnya yang terpilih. Justeru, umat Islam harus berbangga dan bersungguh-sungguh untuk mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup agar hidup mereka benar-benar mendapat pertunjuk dan diridai oleh Allah S.W.T. Selain itu, kekuatan umat ini terletak kepada usaha dakwah dan jihad.

Dengan kedua-duanya barulah Allah S.W.T. akan membantuk umat ini mencapai kegemilangan di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1999). *Tafsir Pimpinan Al-Ranman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Daud, al-Irram (1994). *Sunan Abi Daud*. Beirut. Dar al-Fikr. Jil. 1-2.
- Al-Bukhari, al-Imam (1994). *Sahih al-Bukhan*. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd Aziz Abdullah. Jilid 15.
- Al-Mabarkafuri, Sof al-Rahman (1994). *Al-Rahiq wa al-Makhtum Bahthu fi al-Sirah al-Nabawiyah 'ala Sohobiha Afdhal al-Solah wa al-Salam*. Damsyiq: Dar al-Salam.
- Al-Munzirri, al-Imam al-Hafiz Abd al-'Azim b. al-Qawi (1990). *Al-Tarhib wa al-Tarhib mm al-Haditn al-Sharif*. Bairut: Dar Maktabah al-Hayaah.
- Al-Nadwi, Abul Hasan Ali {1986} *Al-Sirah al-Nabewiyah*. (Terjemahan Bey Arifin dalam *Rtwayat Hidup Rasulullah s.a.w*. Singapura: Pustaka Nasional Ptd Ltd.
- Al-Tarmidzi (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut. Dar al-Fik-. Jilid 1-5
- Ghazali Darusalam (1998), *Dakwah Islam dan Ideologi Barat* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ibnu Kathir, Abi al-Fida' al-Hafiz (2002). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Bairut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1-10.
- Moenawar Chalil, K.H. (1999). *Sirah Nabi Muhammad SAW*. Selangor: Darul Kitab Sdn. Bhd. Jild 1-6.
- Muslim, Abu al-Husam Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim al-Cushain al-Naisabun (2001). *Sahih Muslim*. Beirut: al-Maklabah al-Asriyyah.
- Ahmad b. Hambal, Imam (1980). *Masnad al-Imam Ahmad*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz (1993). *Tafsir al-Quran al-'Azim* Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.